

Kalau rasa tak selamat, jangan naik

PUTRAJAYA 22 Ogos - "Kalau rasa tak selamat, jangan naik. Anda ada pilihan, kita tak paksa gunakan teksis motosikal."

Itu reaksi Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika ditanya mengenai keselamatan penumpang yang akan menggunakan khidmat e-hailing itu.

Dr. Mahathir berkata, pelaksanaan perkhidmatan teksis motosikal di negara ini dapat membantu pengusaha tempatan yang menjalankan perniagaan kecil.

"Jika Gojek datang ke sini, ia akan memberi manfaat kepada peniaga kecil," katanya.

Mengulas bantahan sesetengah pihak, beliau berkata, sesuatu dasar atau pendekatan yang ingin dilaksanakan kerajaan akan ada tentangan daripada mana-mana pihak.

"Iyalah ada yang tak puas hati. Sesetengah pihak akan menentang tetapi kita mahu tahu



KERATAN Utusan Malaysia semalam.

ia memberi manfaat kepada negara atau sebaliknya," katanya.

Menteri BELLA dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman menerusi akaun Instagram beliau semalam memaklumkan, Kabinet sebulat suara meluluskan model ekonomi Go-

jek atau Dego Ride.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan masih menimbangankan cadangan syarikat Maju Holdings Sdn. Bhd. untuk mengambil alih Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS).

Antara cadangan syarikat itu termasuk mengurangkan kadar tol dan macam-macam lagi untuk memperbaiki lebuhraya berkenaan.

Beliau berkata, syarikat itu perlu mengenakan tol kerana tanpa kutipan tol, ia tidak boleh suntik dana semula bagi mengendalikan PLUS.

"Kita kaji, tengok cadangan dia, tapi sudah

tentu dia kena ada tol, kalau tak ada tol, dia tak boleh beli, dia tak boleh suntik balik duit.

"Cadangan dia termasuk mengurangkan kadar tol dan dia nak buat macam-macam lagi nak memperbaiki jalan, jadi kita sedang timbang," katanya.